



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 31 DISEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ANDA ADA TANAH? MINAT TANAM DURIAN? MARDI BERI BENIH PERCUMA! TERMASUK DURIAN PREMIUM VARIETI MS88!, KITA.REPORTERS.COM -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
2.	ANAK MALAYSIA TERIMA ANUGERAH PERTANIAN THAILAND, DALAM NEGERI, UM -10	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Anda ada tanah? Minat tanam durian? MARDI beri benih percuma! Termasuk durian premium varieti MS88!



MOHAMAD Sabu (tiga dari kanan) menunjukkan isyarat tangan bagus pada varieti durian MS88. - Kredit foto: JMDT

INSTITUT Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) masih membekalkan benih-benih percuma durian kepada para petani yang tanahnya berkeluasan antara 0.40 hingga 0.81 hektar berdasarkan pemberian geran kerajaan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, benih-benih berkenaan bertujuan meningkatkan penanaman sehingga 10,000 pokok durian di seluruh negara apabila pemberian gerannya berakhir pada 2025.

“Sekarang 8,000 pokok durian telah ditanam di seluruh negara. Kami beri benih-benihnya secara percuma sejak 2021 menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

“Benih-benihnya sentiasa ada di MARDI. Kalau dapat geran lagi (daripada kerajaan) boleh berinya percuma selepas 2025. Kalau tidak dapat pun, harganya tidak mahal pun, dalam RM20 untuk sepokok,” katanya pada program Duriotourism MARDI di Kuala Kangsar, Perak.

Zabawi ditemui sempena lawatan kerja Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dan penjenamaan semula varieti durian premium MDUR88 kepada Malaysia Super (MS88) pada 28 Disember 2024.



MOHAMAD Zabawi Abdul Ghani (dua dari kiri) memperagakan pangsa berulas varieti durian MS88 kepada wakil media massa sempena lawatan kerja Mohamad Sabu ke Duriotourism MARDI, Kuala Kangsar, Perak. - Kredit foto: JMDT

Ciri-ciri unggul MS88 ialah rasa lemak manisnya, berisi tebal dan berkrim, tahan

terhadap penyakit, warna isinya menarik dan tahan lama serta mampu menjadi sumber ekonomi yang berkualiti.

Kata Pengerusi MARDI, Dr. Azman Ismail, maklum balas para penggemar durian terhadap MS88 begitu positif sehingga ada yang menganggapnya setanding atau lebih baik daripada varieti ‘Black Thorn’.

“Ketika musim durian (Julai 2024 lalu), para penggemar Black Thorn didapati akan mudah menyerap kepada MS88. Ada kata (MS88) lebih baik, halus isinya, lembut dan bertekstur,” katanya lagi.



SIDANG media penjenamaan semula MDUR88 kepada MS88 di Duriotourism MARDI, Kuala Kangsar dihadiri (dari kiri), Azman Ismail, Mohamad Sabu dan Mohamad Zabawi Abdul Ghani. - Kredit foto: JMDT

Mohamad turut yakin, durian Malaysia masih menjadi pilihan China yang memiliki permintaan cukup besar kerana sekitar 800 juta daripada 1,400 juta rakyatnya yang mampu berbelanja.

“Durian kita hanya baru sampai di bandar-bandar besar yang penduduknya 15 hingga 20 atau 30 juta. Bandar-bandar lain yang penduduknya dua tiga juta, belum pernah tengok durian kita. Ertinya pasaran di sana (begitu) luas.

“Walaupun ada saingan Filipina, Vietnam dan Thailand, saya yakin durian kita masih jadi pilihan utama China dan satu perdagangan atau pasaran besar yang akan mencapai berbilion-bilion ringgit.

“Saya sendiri hadir di sebuah pasar raya China, pukul 1 petang dibawa (durian Malaysia), 4 petang sudah habis walaupun harganya agak mahal. Mereka mampu membelinya jadi tidaklah terasa mahal,” katanya.

Mengenai potensi pasaran durian Malaysia di Asia Barat umpamanya Iran dan Eropah katanya, rakyat mereka kurang menggemari durian berbentuk buah tetapi tetap sukakan produk-produk hilirannya seperti roti dan aiskrim.

“Pasaran di China pun belum cukup penuh permintaannya. Kalau terokai ke Asia Barat dan Eropah, promosi kita tidak semestinya durian. Sektor swasta kita boleh fokuskan industri hiliran ini dengan sokongan kerajaan,” katanya. - **KitaReporters**



MOHAMAD Zabawi Abdul Ghani memberikan taklimat ringkas proses penyelidikan varieti durian MS88 di Duriotourism MARDI, Kuala Kangsar. - Kredit foto: JMDT

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Anak Malaysia terima anugerah Pertanian Thailand

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**
hafiz.yusoff@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Bagi Md. Fadzilah Arifin, usaha berterusan dalam bidang pertanian bukan sekadar memberi pulangan menerusi pendapatan lumayan semata-mata.

Sebaliknya, ia mampu mengangkat nama Malaysia di luar negara termasuk menerusi pengiktirafan daripada Jabatan Pertanian Thailand.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, anak jati Kedah ini berkata, semuanya bermula selepas hasil baja yang dihasilkan memenuhi piawaian di negara berkenaan.

"Sijil ini diperoleh selepas berjaya memenuhi pelbagai syarat ketat, antaranya menjalani pemeriksaan rawak dan memastikan kebersihan premis."

"Malah setiap kakitangan turut diwajibkan memiliki kelayakan akademik dalam bidang pertanian, memastikan mereka benar-benar memahami keperluan pelanggan," katanya.

Sebagai rekod, pensijilan Q Shop merupakan inisiatif Jabatan Pertanian Thailand untuk memastikan produk pertanian yang dijual memenuhi piawaian tinggi.



MD. Fadzilah Arifin (kiri) bersama Jabatan Pertanian Thailand dan kakitangannya dalam satu lawatan baru-baru ini.

Produk atau premis yang diiktiraf Q Shop menerima pelbagai keistimewaan termasuk analisis produk percuma, akses kepada maklumat akademik dan simbol jaminan kualiti yang diiktiraf pengguna.

Menurut Md. Fadzilah berkata, perolehan sijil Q Shop itu turut membantu mengekang penjualan produk pertanian

berkualiti rendah di pasaran.

"Ia satu langkah penting bagi memastikan integriti industri pertanian terpelihara," jelasnya.

Katanya, pensijilan tersebut juga membuktikan kejayaan terhadap kualiti dan inovasi anak tempatan selain dapat menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian negara.